



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/06/40 (HQ)

### TNB TONJOL KEUNIKAN SEMPENA SYAWAL

Dalam hasrat meningkatkan pengertian sambutan Syawal bagi tahun ini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menonjolkan nilai-nilai yang melangkaui paparan biasa iklan televisyen mahu pun di akhbar-akhbar tempatan.

Syarikat utiliti negara itu telah menghasilkan sebuah video muzik raya dan satu siri video digital resepi kuih raya bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan tahun ini. Kempen sepanjang tiga minggu ini bermula hari ini (14 Jun 2017).

Kempen berkisarkan kisah Aida, seorang gadis kampung yang bekerja di Kuala Lumpur. Filem ini memaparkan dilema yang dilalui oleh ramai warga Malaysia - walau apa pun terjadi, keluarga adalah segala-galanya.

Melalui penceritaan yang ringkas dan penuh emosi, syarikat utiliti negara itu menerapkan mesej 'kekeluargaan' bukannya kebendaan sempena Syawal ini.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, "Aidilfitri sebenarnya ruang untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan menyuburkan kemesraan sahabat handai. Menerusi iklan raya tahun ini, kami menyampaikan mesej bahawa dalam apa juu keadaan, kita harus sentiasa menghargai setiap detik bersama keluarga."

Iklan raya berkenaan mengisahkan Aida yang sibuk mencari rezeki di samping membuat persiapan Hari Raya. Beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi permintaan keluarga dalam menyambut kedatangan Syawal.

Kisah ini turut menekankan kepayahan yang dilalui Aida melalui babak-babak yang mencerminkan situasi yang dilalui oleh ramai warga Malaysia, terutama sekali sempena musim perayaan. Ia termasuklah dugaan yang perlu Aida lalui untuk menjahit baju raya, membuat kuih raya serta menyiapkan tugasnya yang bertambah di pejabat ketika sedang berpuasa.

S.A. 2016/06/40 (HQ)

Sementara itu, menurut Roslan, video muzik ‘Ceria di Hari Raya’ adalah sentuhan berbeza daripada lagu ‘Suasana Hari Raya’ dendangan Allahyarham Datuk Sharifah Aini dalam bentuk lirik baharu. Melalui platfrom digital, ia turut diterbitkan dalam versi karaoke.

Bagi video digital pula, ia diterbitkan sebagai siri video ‘Kuih Raya Aida’ agar orang ramai boleh berkongsi resipi kuihnya. Orang ramai digalakkan untuk berkongsi bakat membuat kuih raya ciptaan sendiri atau menggunakan resepi Aida dan menghantarkannya dengan hashtag #DugaanRaya dan #TNBRAYA2017.

Filem web Adilfitri TNB tahun ini boleh disaksikan dengan melayari <http://www.youtube.com/tenagaofficial>

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 11:00 pagi, 14 Jun 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*